

**PENGARUH PENGURUSAN PENSIJILAN
HALAL, MODAL INSAN DAN AMALAN
PIAWAIAN HALAL TERHADAP PRESTASI
ORGANISASI DALAM INDUSTRI MAKANAN
HALAL DI MALAYSIA: PERANAN SAIZ
ORGANISASI SEBAGAI MODERATOR**



**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PERAKAUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

**PENGARUH PENGURUSAN PENSIJILAN
HALAL, MODAL INSAN DAN AMALAN
PIAWAIAN HALAL TERHADAP PRESTASI
ORGANISASI DALAM INDUSTRI MAKANAN
HALAL DI MALAYSIA: PERANAN SAIZ
ORGANISASI SEBAGAI MODERATOR**



**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PERAKAUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 Ogos 2016

Baharudin Bin Othman
DB1221002T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **BAHARUDIN BIN OTHMAN**

NO. MATRIK : **DB1221002T**

TAJUK : **PENGARUH PENGURUSAN PENSIJILAN HALAL, MODAL INSAN DAN AMALAN PIAWAIAN HALAL TERHADAP PRESTASI ORGANISASI DALAM INDUSTRI MAKANAN HALAL DI MALAYSIA: PERANAN SAIZ ORGANISASI SEBAGAI MODERATOR**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

TARIKH VIVA : **18 OGOS 2016**

DISAHKAN OLEH;



1. PENYELIA UTAMA

Prof. Dr. Sharifudin Md. Shaarani

Tandatangan



2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Dr. Arsiah Bahron

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah 'Inayah dan kurniaNya, tesis PhD. ini dapat disempurnakan dengan jayanya sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Sesungguhnya doa, restu, pengorbanan dan kasih sayang Ayahandaku Haji Othman Yusof dan harapan bondaku Allahyarhamah Fathiah Mat Il, ibuku Aini Ibrahim dan ahli keluarga merupakan sesuatu yang paling bernilai bagi mengiringi kejayaan ini. Setiap inci langkah ini tidak akan bergerak tanpa sokongan padu dan erat, dorongan, kasih sayang daripada insan istimewa anugerah Allah yang sentiasa di sisi, isteriku tercinta Dr. Nurul Hudani Md Nawi. Buat anak-anak papa yang tersayang Eisyah Radhiah, Mohammad Amirul Hakim dan Mohammad Ikram, terima kasih kerana memahami dan mengerti perjalanan ini semoga ia menjadi dorongan untuk kalian semua. Moga kita semua bersatu hati dan berjaya di dunia dan akhirat.

Keperitan perjalanan ini amat mudah apabila menemui insan yang tidak pernah bosan dalam memberi bimbingan dan semangat sepanjang penulisan tesis ilmiah ini, Profesor Dr. Sharifudin Md. Shaarani, Dekan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan UMS sebagai penyelia utama dan Profesor Dr. Hajjah Arsiah Bahron, Pengarah Pusat Pengajian Luar Kampus UMS. Doaku semoga Allah terus-terusan melimpahkan rahmatNya ke atas diri kalian. Ucapan terima kasih juga kepada Profesor Madya Dr. Haji Amran Haji Harun juga kepada semua pensyarah dan rakan-rakan yang telah menyumbangkan idea dalam memperkasakan tesis ini.

Kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Universiti Malaysia Sabah dan juga agensi yang terlibat samada kerajaan, swasta mahupun pihak industri makanan halal, terima kasih tidak terhingga di atas sokongan padu yang diberikan dalam usaha menghasilkan penyelidikan ini. Semoga hasil kajian ini dapat dimanfaatkan bersama dalam meningkatkan kredibiliti pensijilan halal di negara ini seterusnya meletakkan nama Malaysia gah di persada antarabangsa.

Wassalam.

Baharudin Bin Othman
DB1221002T

ABSTRAK


Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh pengurusan pensijilan halal, faktor modal insan, amalan piawaian halal (operasi halal dan jaminan halal) terhadap prestasi organisasi di kalangan pengusaha makanan halal di Malaysia. Secara khususnya tujuh objektif kajian telah digariskan. Pertama, mengenal pasti pengaruh pengurusan pensijilan terhadap operasi halal. Kedua, mengenal pasti pengaruh pengurusan pensijilan terhadap jaminan halal. Ketiga, mengenal pasti pengaruh faktor modal insan terhadap operasi halal. Keempat, mengenal pasti pengaruh faktor modal insan terhadap jaminan halal. Kelima, mengenal pasti pengaruh amalan piawaian halal terhadap prestasi organisasi. Keenam, menentukan samada saiz organisasi berperanan sebagai moderator hubungan di antara amalan piawaian halal dengan prestasi organisasi. Ketujuh, mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap prestasi organisasi berdasarkan saiz organisasi. Teori pendekatan sistem dan pendekatan sumber telah digunakan sebagai asas kerangka teoritikal kajian. Sebanyak 241 organisasi melalui Jawatankuasa Halal Dalaman bagi kategori multinasional ($n=69$) dan perusahaan kecil sederhana ($n=172$) di Malaysia terlibat sebagai responden secara kaedah tinjauan keratan rentas. Empat bahagian dalam soal selidik telah digunakan iaitu; soal selidik pengurusan pensijilan halal, soal selidik faktor modal insan dan prestasi organisasi yang diubahsuai daripada pengakji lepas. Manakala soal selidik amalan piawaian halal pula dibangunkan sendiri oleh pengakji berdasarkan akta, standard, peraturan dan pekeliling terkini yang digunakan dalam pensijilan pengesahan halal di Malaysia. Kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik telah dilakukan dan nilai alpha cronbach adalah dalam lingkungan yang diterima umum (0.75 hingga 0.94). Data dianalisis dengan menggunakan perisian IBM *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 21.0. Pengujian ke atas hipotesis kajian telah menunjukkan bahawa; i) komitmen pengurusan memberi pengaruh terhadap operasi halal ii) prosedur pelaksanaan dan komitmen memberi pengaruh terhadap jaminan halal; iii) sikap memberi pengaruh terhadap operasi halal; iv) pengetahuan, sikap dan kepekaan polisi semasa memberi pengaruh terhadap jaminan halal; v) jaminan halal memberi pengaruh terhadap prestasi organisasi; vi) saiz organisasi berperanan sebagai moderator antara hubungan operasi halal dan prestasi organisasi; vii) wujudnya perbezaan yang signifikan prestasi organisasi bagi kategori multinasional dan perusahaan kecil sederhana. Dapatkan kajian ini telah memberikan beberapa implikasi samada terhadap teori dan model, penyelidikan mahupun pengamalan. Kajian mendapati bahawa prestasi organisasi dipengaruhi oleh satu rantaian yang berhubung kait antara satu sama lain bermula daripada input, kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk proses dan akhirnya menghasilkan pencapaian yang turut disokong oleh kawalan dalaman organisasi. Hasil kajian ini memberi nilai tambah melalui instrumen baharu sebagai penilaian dalaman awal oleh organisasi sebelum penilaian dibuat oleh pihak autoriti dalam pensijilan halal di Malaysia. Sesungguhnya elemen pengurusan pensijilan halal, faktor modal insan dan amalan piawaian halal juga perlu diberi perhatian oleh semua pihak dalam menjadikan Malaysia sebagai hab halal terus kekal di pesada antarabangsa. Pada masa yang sama, kajian lanjut berkaitan makanan halal juga perlu mengambilkira skop, kaedah dan responden kajian yang terlibat dalam mengembangkan ilmu pengetahuan dalam bidang ini.

ABSTRACT

THE INFLUENCE OF HALAL MANAGEMENT CERTIFICATION, HUMAN CAPITAL, AND HALAL PRACTICE ON ORGANIZATIONAL PERFORMANCE IN THE HALAL FOOD INDUSTRY IN MALAYSIA: THE ROLE OF THE ORGANIZATIONAL SIZE AS A MODERATOR

This study aims to investigate the influence of halal certification management, human capital factor, and the halal practice (halal operation and assurance) on organizational performance among halal food manufacturers in Malaysia. There are seven particular objectives outlined in the study. First is to identify the influence of halal certification management on halal operation. Second, to identify the influence of halal certification management on halal assurance. Third, to identify the influence of human capital factor on halal operation. Fourth is to identify the influence of human capital factor on halal assurance. Fifth, to identify the influence of halal practice (halal operation and assurance) on organizational performance. The sixth objective is to determine if the size of the organization is able to act as a moderator in the relationship between the halal practice (halal operation and assurance) and organizational performance. Seventh and final objective is to identify whether there is a significant difference on organizational performance based on the size of the organization. The system and resource approach theory have been used as the basis for the theoretical framework in the study. A total of 241 organizations in the multinational category (through the Internal Halal Committee) ($n = 69$), and small medium enterprises ($n = 172$) in Malaysia were involved as respondents. The study was done in a cross-sectional survey method. There are four parts of the questionnaire, namely halal certification management, human capital factor, and organizational performance which are adapted from past researches. The fourth questionnaire, which was developed by the researcher based on acts, standards, rules and regulations, and recent circulars used in the Malaysian halal certification, is the halal practice questionnaire. The test for reliability and validity of the questionnaire was conducted and the Cronbach alpha value acquired is in the range of generally accepted (0.75 to 0.94). Data were analyzed using IBM software Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 21.0. Hypotheses tested in the study have shown that; i) the commitment of the management influences halal operation; ii) implementation procedures and commitment influence halal assurance; iii) attitude influences halal operations; iv) knowledge, attitude, and the sensitivity towards current policies influence halal assurance; v) halal assurance influences organizational performance; vi) the size of the organization acts as a moderator between halal operation and organizational performance; and vii) there is a significant difference in terms of organizational performance between the multinational categories and small and medium enterprises. This study provided implications in terms of the theories and models, research, or practice. From the study, it is found that organizational performance is influenced by a correlating chain that starts from the input, and then translated in a process, thus ultimately resulted in an achievement which is supported by the organization's internal control as well. The results of this study provide an added value through new instruments. It is able to provide an initial assessment on an internal level by the organization prior to the assessment made by the Malaysian halal authority. The halal certification management, human capital factors, and the

practice of halal standards need to be addressed by all parties as well in the pursuit of making Malaysia as an international halal hub. Parallel to that, further research related to halal food should take into account the scope, methods, and respondents involved as well in developing the knowledge in this particular field.



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xix
 BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Isu Pemakanan Halal	6
1.4 Pernyataan Masalah	10
1.4.1 Prestasi	10
1.4.2 Pengurusan Pensijilan	10
1.4.3 Faktor Modal Insan	12
1.4.4 Amalan Piawaian Halal	17
1.5 Persoalan Kajian	22
1.6 Objektif Kajian	23
1.7 Skop Kajian	24
1.8 Kepentingan	24
1.9 Definisi Operasi Kajian	25
1.9.1 Prestasi	25
1.9.2 Pengurusan Pensijilan	26
1.9.3 Faktor Modal Insan	26
1.9.4 Amalan Piawaian Halal	27
1.9.5 Saiz Organisasi	27

1.10	Susun Atur Tesis	28
1.11	Rumusan	29

BAB 2: PENSIJILAN HALAL DI MALAYSIA

2.1	Pendahuluan	30
2.2	Konsep Makanan Halal	31
2.2.1	Konsep <i>Halalan Thoyyiban</i>	32
a.	Keselamatan Makanan	34
b.	Kebersihan Makanan	34
c.	Nilai Pemakanan	35
d.	Nilai Sensori makanan	35
2.2.2	Prinsip-prinsip Umum Mazhab terhadap Halal-Haram Makanan dan Minuman	38
a.	Mazhab al-Syafi'i,	39
b.	Mazhab Hanafi	40
c.	Mazhab Maliki	41
d.	Mazhab Hanbali	41
2.2.3	Istihalah	42
2.3	Pelaksanaan Pensijilan Halal di Malaysia	46
2.3.1	Sejarah Perkembangan Pensijilan Halal	46
2.3.2	Penyelarasan Pensijilan Halal Malaysia	48
2.3.3	Kerjasama Bersama Agensi Berkaitan	49
2.3.4	Sistem MYeHALAL	57
2.3.5	Pengiktirafan Badan Pensijilan Halal Luar Negara	58
2.4	Akta, Standard dan Prosedur Berkaitan Pensijilan Halal Malaysia	63
2.4.1	Akta Berkaitan	63
2.4.2	Standard, Prosedur Dan Pekeliling	69
2.5	Prosedur Pensijilan Halal Malaysia	82
2.5.1	Permohonan Pensijilan	82
2.5.2	Proses Pengauditan Halal	83
2.5.3	Pengeluaran Sijil Halal	86
2.5.4	Pemantauan dan Penguatkuasaan	87
2.5.5	Persampelan (Analisis)	87

2.6	Cabaran dan Potensi Malaysia sebagai Hab Halal	96
2.7	Senario Pengilang di Malaysia	101
2.8	Rumusan	102

BAB 3: SOROTAN LITERATUR

3.1	Pendahuluan	103
3.2	Perspektif Teoritikal	103
3.2.1	Pengurusan Strategik	104
3.2.2	Teori Asas Kajian	106
3.2.3	Justifikasi Pemilihan Teori	111
3.3	Prestasi	114
3.3.1	Prestasi Dalam Konteks Pengurusan Makanan Halal	119
a.	Model Pensijilan Kualiti Produk	120
b.	Model Pengurusan Makanan Halal	125
3.3.2	Penilaian Penarafan Sendiri	128
3.4	Pengurusan Pensijilan Halal	129
3.4.1	Pengaruh Pengurusan Pensijilan terhadap Amalan Piawaian Halal	129
a.	Perancangan	130
b.	Prosedur Pelaksanaan	131
c.	Komitmen	133
3.5	Faktor Modal Insan	137
3.5.1	Pengaruh Faktor Modal Insan terhadap Amalan Piawaian Halal	137
a.	Pengetahuan	138
b.	Sikap	140
c.	Kepekaan Terhadap Polisi Kerajaan	143
3.6	Amalan Piawaian Halal	148
3.6.1	Pengaruh Amalan Piawaian Halal terhadap Prestasi Organisasi	148
3.7	Saiz Organisasi	155
3.7.1	Saiz Organisasi sebagai Moderator	158
3.8	Hipotesis Kajian	158
3.9	Kerangka Kajian	160

3.10 Rumusan	162
--------------	-----

BAB 4 METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pendahuluan	164
4.2 Jenis dan Reka Bentuk Kajian	164
4.3 Lokasi Kajian	167
4.4 Populasi dan Subjek Kajian	168
4.5 Persampelan Kajian	169
4.6 Instrumen Kajian	174
4.6.1 Soal Selidik Profil Industri	176
4.6.2 Soal Selidik Pengurusan Pensijilan Halal	177
4.6.3 Soal Selidik Faktor Modal Insan	179
4.6.4 Soal Selidik Amalan Piawaian Halal	182
4.6.5 Soal Selidik Prestasi Organisasi	188
4.7 Kajian Rintis	190
4.7.1 Analisis Kebolehpercayaan Instrumen	192
4.7.2 Ujian Kesahihan Instrumen	193
4.7.3 Ujian Kenormalan Bagi Taburan Data	194
4.8 Prosedur Pengumpulan Data Kajian	195
4.9 Penganalisisan Data Kajian	196
4.10 Statistik Perihalan	196
4.11 Statistik Inferens	197
4.11.1 Analisis Regresi	197
4.11.2 Ujian t	199
4.12 Rumusan	200

BAB 5 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan	201
5.2 Gambaran Keseluruhan Pengumpulan Data	201
5.2.1 Kadar Maklum Balas Borang Soal Selidik	201
5.3 Proses Saringan Data dan Andaian-andaian Multivariate	205
5.4 Maklumat Deskriptif Sampel Kajian	211

5.5	Analisis Faktor Penerokaan	214
5.5.1	Prestasi	214
5.5.2	Pengurusan Pensijilan	216
5.5.3	Faktor Modal Insan	219
5.5.4	Amalan Piawaian Halal	221
5.5.5	Ringkasan Hasil Daripada Analisis Faktor	224
5.5.6	Ujian Kebolehpercayaan Pemboleh ubah Kajian	226
5.6	Analisis Deskriptif	227
5.7	Penilaian Hipotesis Kajian	232
5.7.1	Analisis Pengaruh Pemboleh Ubah	233
5.7.2	Analisis Perbezaan Terhadap Pembolehubah	244
5.8	Ringkasan Dapatan Kajian	245
5.9	Rumusan	247
BAB 6 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN		
6.1	Pendahuluan	249
6.2	Gambaran Ringkas Kajian	249
6.3	Perbincangan Dapatan Kajian	249
6.3.1	Pengaruh Pemboleh ubah Kajian	250
6.3.2	Peranan Saiz Organisasi Sebagai Moderator	258
6.3.3	Perbezaan Prestasi Organisasi Berdasarkan Saiz Organisasi	260
6.4	Implikasi Kajian	263
6.4.1	Implikasi Terhadap Teori dan Model	263
6.4.2	Implikasi Terhadap Penyelidikan	265
6.4.3	Implikasi Terhadap Pengamalan	266
6.5	Limitasi Kajian	267
6.6	Cadangan Kajian Lanjutan	268
6.7	Rumusan	270
RUJUKAN		272
LAMPIRAN		296


SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 1.1:	Eksport halal Malaysia Berdasarkan 10 negara utama	2
Jadual 1.2:	Keratan media terpilih berkaitan isu pensijilan halal Malaysia	8
Jadual 2.1:	Takrifan halal dalam pensijilan halal Malaysia	36
Jadual 2.2:	Beberapa contoh perbezaan pandangan mazhab dalam amalan pemakanan	42
Jadual 2.3:	Beberapa fatwa yang berkaitan dengan Istihalah	44
Jadual 2.4:	Peranan agensi dalam pembangunan halal di Malaysia	56
Jadual 2.5:	Piawaian halal badan pensijilan halal yang diiktiraf oleh JAKIM	62
Jadual 2.6:	Contoh standard dan garispanduan antarabangsa	71
Jadual 2.7:	Ringkasan MS1500:2009 - Makanan Halal – Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (Semakan Kedua)	73
Jadual 2.8:	Standard dan garis panduan berkaitan pensijilan halal Malaysia	74
Jadual 2.9:	Ringkasan garis panduan Sistem Pengurusan Jaminan Halal Malaysia	81
Jadual 2.10:	Permohonan sijil halal yang diluluskan	83
Jadual 2.11:	Contoh-contoh ketidakakururan dalam pengauditan	85
Jadual 2.12:	Contoh kandungan haram yang dapat dianalisis melalui metod analisis makmal	89
Jadual 3.1:	Ringkasan teori kajian	110
Jadual 3.2:	Ringkasan kajian terpilih definisi dan pengukuran prestasi	127
Jadual 3.3:	Ringkasan kajian terpilih prestasi pengurusan pensijilan	136
Jadual 3.4:	Ringkasan kajian terpilih faktor modal insan	146
Jadual 3.5:	Ringkasan kajian terpilih amalan piawaian halal	154
Jadual 3.6:	Ringkasan kajian terpilih berkaitan saiz organisasi	157
Jadual 4.1:	Pembahagian lokasi kajian	167

Jadual 4.2:	Populasi kajian mengikut zon	168
Jadual 4.3:	Instrumen kajian	175
Jadual 4.4:	Soal selidik pengurusan pensijilan	178
Jadual 4.5:	Soal selidik faktor modal insan	181
Jadual 4.6:	Soal selidik amalan piawaian halal	187
Jadual 4.7:	Analisis kebolehpercayaan analisis	193
Jadual 4.8:	Keputusan statistik kepencongan dan kurtosis bagi semua pembolehubah kajian rintis	195
Jadual 5.1:	Pengagihan dan penerimaan borang soal selidik daripada responden mengikut kategori	202
Jadual 5.2:	Keputusan ujian bias pengagihan dan penerimaan borang soal selidik daripada responden mengikut kategori	207
Jadual 5.3:	Keputusan statistik kepencongan dan kurtosis bagi semua pembolehubah	208
Jadual 5.4:	Keputusan kehomoskedastian bagi semua pembolehubah	209
Jadual 5.5:	Korelasi Pearson bagi pemboleh ubah pendekatan pensijilan halal, faktor modal insan dan amalan piawaian halal	210
Jadual 5.6:	Pengujian multikolineariti bagi pemboleh ubah bebas	211
Jadual 5.7:	Taburan responden mengikut demografi	212
Jadual 5.8:	Analisis faktor prestasi organisasi	215
Jadual 5.9:	Analisis faktor pengurusan pensijilan	218
Jadual 5.10:	Analisis faktor modal insan	220
Jadual 5.11:	Analisis faktor amalan piawaian halal	223
Jadual 5.12:	Dimensi pemboleh ubah dan item kajian sebelum dan selepas analisis faktor	225
Jadual 5.13:	Ujian kebolehpercayaan pemboleh ubah kajian	226
Jadual 5.14:	Keputusan statistik deskriptif bagi pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian	228
Jadual 5.15:	Tahap pengurusan pensijilan berdasarkan kategori	229
Jadual 5.16:	Tahap modal insan berdasarkan kategori	231
Jadual 5.17:	Tahap amalan piawaian halal berdasarkan kategori	232
Jadual 5.18:	Tahap prestasi organisasi berdasarkan kategori	232

Jadual 5.19:	Keputusan analisis regresi pengaruh pengurusan pensijilan (perancangan, prosedur pelaksanaan dan komitmen) terhadap amalan piawaian halal (operasi halal)	234
Jadual 5.20:	Keputusan pengujian hipotesis pengaruh pengurusan pensijilan (perancangan, prosedur pelaksanaan dan komitmen) terhadap amalan piawaian halal (operasi halal).	234
Jadual 5.21:	Keputusan analisis regresi pengaruh pengurusan pensijilan (perancangan, prosedur pelaksanaan dan komitmen) terhadap amalan piawaian halal (jaminan halal)	236
Jadual 5.22:	Keputusan pengujian hipotesis pengaruh pengurusan pensijilan (perancangan, prosedur pelaksanaan dan komitmen) terhadap amalan piawaian halal (jaminan halal).	236
Jadual 5.23:	Keputusan analisis regresi pengaruh antara faktor modal insan (pengetahuan, sikap dan kepekaan tehadap polisi kerajaan) terhadap amalan piawaian halal (operasi halal).	237
Jadual 5.24:	Keputusan pengujian hipotesis pengaruh antara faktor modal insan (pengetahuan, sikap dan kepekaan tehadap polisi kerajaan) terhadap amalan piawaian halal (operasi halal).	238
Jadual 5.25:	Keputusan analisis regresi pengaruh faktor modal insan (pengetahuan, sikap dan kepekaan tehadap polisi kerajaan) terhadap amalan piawaian halal (jaminan halal).	239
Jadual 5.26:	Keputusan pengujian hipotesis pengaruh antara faktor modal insan (pengetahuan, sikap dan kepekaan tehadap polisi kerajaan) terhadap amalan piawaian halal (jaminan halal).	240
Jadual 5.27:	Keputusan analisis regresi pengaruh amalan piawaian halal (operasi halal dan jaminan halal) terhadap prestasi organisasi	241
Jadual 5.28:	Keputusan pengujian hipotesis antara pengaruh amalan piawaian halal (operasi halal dan jaminan halal) terhadap prestasi organisasi	241
Jadual 5.29:	Keputusan analisis regresi hierarki bagi hubungan di antara operasi halal dengan prestasi organisasi	242

Jadual 5.30:	Keputusan pengujian hipotesis saiz organisasi berperanan sebagai moderator dalam menentukan hubungan antara amalan piawaian halal (operasi halal dan jaminan halal) dengan prestasi organisasi.	244
Jadual 5.31:	Keputusan analisis perbezaan prestasi organisasi berdasarkan saiz organisasi	245
Jadual 5.32:	Keputusan pengujian hipotesis análisis perbezaan prestasi organisasi berdasarkan saiz organisasi	245
Jadual 5.33:	Ringkasan keseluruhan keputusan pengujian hipotesis	246



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: MS1500:2004 (semakan terkini MS1500:2009) memenuhi piawaian keperluan antarabangsa.	38
Rajah 3.1: Kerangka Teoritikal	114
Rajah 3.2: Model prestasi Tovey	117
Rajah 3.3: Model prestasi Bratton dan Gold	118
Rajah 3.4: Model prestasi Ivancevich dan Matterson	118
Rajah 3.5: Model prestasi (Perkongsian Pengetahuan)	119
Rajah 3.6: Model kajian hubungan ISO 9001:2000 Sistem pensijilan kualiti dengan prestasi perniagaan dan operasi	121
Rajah 3.7: Model kajian kepentingan persijilan jaminan kualiti antarabangsa dan kebangsaan kepada industri pemprosesan makanan di Malaysia	121
Rajah 3.8: Model kesan keberkesanan ISO 9001 terhadap produk/kualiti, prestasi operasi dan prestasi kewangan	122
Rajah 3.9: Model keberkesanan ISO9000 terhadap pelaksanaan pengurusan aliran (<i>flow management</i>)	123
Rajah 3.10: Model <i>International Life Science Institute</i> (ILSI) bagi pengurusan jaminan kualiti di dalam industri makanan	124
Rajah 3.11: Model kualiti (Pendekatan sistem)	124
Rajah 3.12: Rangka konseptual ' <i>Halal Hub Positioning</i> '	126
Rajah 3.13: Model hubungan pengetahuan terhadap pelaksanaan jaminan halal	139
Rajah 3.14: Sikap sebagai penilaian	141
Rajah 3.15: Model sistem pengurusan jaminan halal	148
Rajah 3.16: Model hubungan amalan pensijilan halal dengan prestasi hotel	150
Rajah 3.17: Model saiz sebagai moderator dalam menentukan hubungan keusahawanan, inovasi (proses) dan prestasi	156
Rajah 3.18: Kerangka kajian	162

Rajah 4.1:	Persampelan subjek	173
Rajah 4.2:	Langkah-langkah pembentukan soal selidik	183
Rajah 5.1:	Plot serakan bagi dimensi (pendekatan pensijilan halal, faktor modal insan, amalan piawaian halal) dan prestasi.	209
Rajah 5.2:	Pengaruh moderator saiz organisasi terhadap hubungan operasi halal dengan prestasi.	243



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

APD 2011	- Akta Perihal Dagangan Malaysia 2011
DSM	- Department Of Standard Malaysia
GHP	- Good Hygien Practices
JAKIM	- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
TKKH	- Titik Kawalan Kritikal Halal
MAIN	- Majlis Agama Islam Negeri
JAIN	- Jabatan Agama Islam Negeri
MPPHM	- Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga)
SJHM	- Sistem Jaminan Halal Malaysia
HDC	- Halal Industry Development Corporation
FMM	- Federation of Malaysian Manufacturers
RMK9	- Rancangan Malaysia Kesembilan
MITI	- Ministry of International Trade and Industry
NFC	- Near Field Communication
SPHM	- Sijil Pengesahan Halal Malaysia
MS	- Malaysian Standard
ISO	- International Organization for Standardization
HVE	- Halal Verification Engine
SME	- Small Medium Enterprises
CODEX	- Suruhanjaya Kod Makanan

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Industri makanan halal kini telah mengalami kepesatan global dan berkembang dengan begitu pantas sekali, yang bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia. Ia sejajar dengan pertambahan populasi penduduk Muslim dunia pada 2014 yang telah mencecah 1.7 bilion dan dijangka akan terus bertambah kepada 2.2 bilion menjelang 2030 (Thomson Reuters, 2014). Fenomena ini juga disokong dengan penglibatan yang amat ketara oleh pelbagai pihak khususnya pengamal industri halal. Dengan perkembangan tersebut juga, isu berkaitan pensijilan halal di Malaysia mula dititikberatkan bagi memastikan sesuatu produk yang dikeluarkan adalah benar-benar memenuhi keperluan halal dan mampu mengekalkan status pengesahan halal yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dalam pensijilan halal.

Untuk itu, kerajaan Malaysia telah menggubal dasar melalui Rancangan Malaysia ke 9 (RMK9; 2006-2010) dan Pelan Induk Perindustrian III (IMP3/2006-2020) bagi menetapkan standard sekaligus menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluaran dan pensijilan produk halal antarabangsa yang diiktiraf (MITI, Pelan Induk Perindustrian Makanan Ketiga /2006-2020) melalui penelitian berkaitan piawaian standard bagi sesuatu produk untuk diguna pakai di seluruh Malaysia dan dunia. Kesungguhan kerajaan dalam hal ini telah diterjemahkan melalui ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia dalam forum dan seminar;

"Halal is an important agenda in our New Economic Model (NEM) that the Government recently launched. For Malaysia, the value proposition of Halal is in the fact that it is as much driven by the bigger corporations as it is by the Small Medium Enterprise (SMEs)..."

(Petikan ucapan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia sempena *The Seventh International Halal Showcase, MIHAS 2010*)

"The Global Halal products market is estimated at USD 2.3 trillion, not including banking. Research by The World Halal Forum secretariat found 67 percent, or USD 1.4 trillion, of this market is comprised of food and beverage. Pharmaceuticals make up 22 percent or USD 506 billion, with cosmetics and personal care totalling USD 230 billion. If we include the services sector for Halal, and we should give the serious consideration, the potential size of the total market is astronomical...."

(Petikan Ucapan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia sempena *World Halal Forum 2010*)

Usaha dan pelaksanaan tersebut menyaksikan kejayaan yang boleh dibanggakan. Misalnya, kerajaan Malaysia pada tahun 2012 telah berjaya mengeksport RM32 billion pelbagai produk halal ke luar negara (Perbadanan Pembangunan Industri Halal, 2013). Hal ini konsisten dengan pembentangan Bajet 2013 yang menyediakan modal kerja sebanyak RM200 juta kepada usahawan kecil dan sederhana bagi mengeluarkan produk halal dalam memberi galakkan bagi pembangunan industri makanan halal di Malaysia (Haspaizi, 2013). Malahan beberapa negara utama dunia telah menjadi tumpuan utama eksport halal Malaysia dengan nilai berbilion ringgit seperti jadual 1.1.


Jadual 1.1: Eksport halal Malaysia 2012 berdasarkan 10 negara utama

Bil	Negara	Nilai Eksport (RM) (bilion)
1.	China	3.9
2.	Singapura	3.1
3.	Amerika Syarikat	2.7
4.	Indonesia	2.1
5.	Belanda	1.8
6.	Thailand	1.8
7.	Japan	1.8
8.	India	1.4
9.	Korea Selatan	1.4
10.	Filipina	1.1

Sumber : Perbadanan Pembangunan Industri Halal (2013)

Kini, Malaysia telah meletakkan nama di pesada antarangbangsa melalui pengiktirafan yang diberikan dengan menduduki tempat pertama daripada 15 negara dalam status hab halal bagi tiga sektor iaitu makanan halal, kewangan dan pelancongan Islam berdasarkan *State of The Global Islamic Economy Report* 2015/2016 (Thomson Reuters dan Dinar Standard, 2015). Keadaan ini turut dibuktikan apabila didapati nilai perbelanjaan industri makanan halal di Malaysia telah mencapai RM7 bilion setahun berbanding nilai pasaran dunia sebanyak RM12 trilion dalam tempoh yang sama (Mohd. Roslan, 2016)

Realitinya, kejayaan tersebut adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor penting. Antaranya faktor luaran seperti perundangan, faktor ekonomi, sosial dan aspek etika (Lam dan Alhashmi, 2008). Manakala faktor dalam pula didapati berupaya untuk meningkatkan prestasi organisasi melalui pengurusan makanan halal yang menepati apa yang digariskan dan dikehendaki oleh pihak autoriti tempatan.



Oleh yang demikian, kajian yang bakal dijalankan ini adalah untuk melihat bagaimana bidang pengurusan yang disokong oleh data-data kajian dalam kalangan industri berperanan bagi meningkatkan prestasi organisasi khususnya berkaitan pengurusan makanan halal di Malaysia. Seterusnya bakal meningkatkan ekonomi Malaysia terutama dalam pengeksportan produk halal. Situasi ini dapat diterjemahkan melalui beberapa persoalan kajian berdasarkan penelitian terhadap hubungan beberapa pembolehubah iaitu pengurusan pensijilan, faktor modal insan, dan amalan piawaian halal terhadap prestasi organisasi di samping saiz organisasi sebagai moderator.

1.2 Latar Belakang Kajian

Realitinya prestasi mantap bagi pengurusan makanan halal dalam kalangan industri, bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor luaran semata-mata misalnya pengguna, kerajaan mahupun badan sukarela tetapi juga melalui pengurusan dalaman organisasi yang efektif dan berwibawa. Dalam hal ini, pengurusan dilihat sebagai proses pengurusan yang mengeluarkan barang dan perkhidmatan

seterusnya bertanggungjawab terhadap perancangan, penyelarasan dan pengawalan sumber yang diperlukan untuk pengeluaran barang atau perkhidmatan dalam sebuah organisasi (Greasley, 2006).

Di samping pemilikan pengurusan yang efisien, kaedah pelaksanaan pengendalian makanan dan penekanan aspek keselamatan makanan juga perlu dititikberatkan (Sampers, Toyofuku, Luning, Uyttendaele dan Jacxsens, 2012; Sarter dan Gilabert, 2010; Kafetzopoulos, Gotzamani dan Psomas, 2013). Hal ini konsisten dengan Jamil (2013a) yang menyatakan bahawa pensijilan halal di Malaysia bukan hanya tertumpu kepada kandungan bahan semata-mata tetapi juga meliputi aspek pemprosesan, kebersihan dan kesucian. Ia juga bertepatan dengan Firman Allah dalam surah al-Baqarah, Ayat 168 yang sentiasa menggalakkan umatnya makan dari sumber yang halal lagi suci;

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu".

Dalam pengurusan makanan halal di Malaysia, penjelasan terperinci mengenai konsep pemakanan halal dan pelaksanaan pensijilan halal di Malaysia perlu difahami oleh pelbagai pihak termasuk industri terutama dalam aspek penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Mulai 1 Disember 2011 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah dinamakan sebagai Badan Berkusa Berwibawa atau '*competent authority*' terhadap pensijilan halal Malaysia dalam Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011). Kerajaan melalui JAKIM telah mengambil beberapa pendekatan dalam memastikan penyelarasan dan penyeragaman yang berterusan antara negeri termasuklah mewujudkan mekanisme pengeluaran dan pemantauan sijil dan logo. Melalui penyeragaman ini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) /Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) hanya akan menggunakan logo, standard, gerak kerja dan sistem yang seragam sahaja (Mashitah, 2011).